

[Home](#) / [2025](#) / [November](#) /

UiTM Perak & MERCY Malaysia Laksana Bengkel ToT SPP: Persiapkan Fasilitator Muda Hadapi Bencana

## SINERGI

26/11/2025 / TS MOHD NASURUDIN HASBULLAH



*Seri Iskandar, 16 November 2025* — Bengkel *Training of Trainers (ToT) School Preparedness Programme (SPP)* telah berlangsung dengan jayanya pada 15 dan 16 November 2025 di Bilik Rekreasi Kolej Indra Sakti, UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar. Program ini dianjurkan bersama **MERCY Malaysia Perak Chapter**, **MERCY Malaysia**, dan **Unit Kokurikulum**, dengan sokongan **Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar**.

Seramai **40 pelajar UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar** telah menyertai program ini. Mereka dibimbing oleh **8 fasilitator dari UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah** dan seorang **fasilitator dari Universiti Teknologi Petronas (UTP)**. Program turut disokong oleh **Pengerusi MERCY Malaysia Perak Chapter** bersama **dua staf MERCY Malaysia**, memastikan latihan berjalan lancar dan berkualiti.





Bengkel ToT ini dilaksanakan melalui gabungan **ceramah, latihan berkumpulan dan simulasi**, bagi memastikan peserta benar-benar memahami kandungan modul serta mampu menyampaikannya dalam program sekolah akan datang. Sepuluh sesi latihan telah dijalankan iaitu **Pembukaan dan Perkenalan, Pengenalan MERCY Malaysia, Kesiapsiagaan Sekolah, Tangan Bersih dan Hidup Sihat, Kebersihan & Kesihatan Semasa Bencana, Tindakan Semasa Bencana, Beg Siaga Individu & Keluarga, Amaran Awal Bencana, Pemetaan Risiko Sekolah, Perubahan Iklim Dunia.**

Pelaksanaan ToT SPP ini bertujuan melahirkan **kumpulan fasilitator muda yang terlatih**, berpengetahuan dan mampu menyampaikan modul kesiapsiagaan bencana dengan berkesan kepada warga sekolah. Peserta yang tamat latihan ini akan menjadi **fasilitator utama** bagi program *School Preparedness Programme* yang melibatkan **18 sekolah di Daerah Perak Tengah** pada Disember 2025.

Inisiatif ini dijangka meningkatkan kesedaran risiko, memupuk budaya keselamatan dan memperkukuh ketahanan komuniti sekolah melalui penglibatan aktif golongan belia terlatih selaras dengan misi MERCY Malaysia dalam memperkasa masyarakat menghadapi bencana. Program ini dijangka memberi impak besar dalam meningkatkan kesedaran risiko, membudayakan keselamatan,

dan memperkukuh ketahanan komuniti di peringkat sekolah melalui penyertaan aktif generasi muda. Dengan sokongan pelbagai pihak, inisiatif ini menjadi langkah penting ke arah mewujudkan masyarakat yang lebih peka, responsif dan bersedia menghadapi kemungkinan bencana.



Tags: [Jabatan Hal Ehwal Pelajar \(JHEP\)](#), [MERCY Malaysia](#), [MERCY Malaysia Perak Chapter \(MMPC\)](#), [UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

[Karnival Ban Canal 2025: UiTM](#)  
 [Puncak Alam Tonjol Produk Inovatif](#)  
 [Berasaskan Kelestarian](#)

[Help for Hope 3.0: UiTM FKK](#)  
 [Perkukuh Kebajikan Mahasiswa](#)  
 [Kejuruteraan](#)

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

[Universiti Teknologi MARA](#)  
[\(UiTM\)](#)  
[40450 Shah Alam, Selangor](#)  
[Darul Ehsan](#)  
[Malaysia](#)  
  
[Tel: +603-5544 2051 / 2000](#)

